

## AMALAN HISBAH KENDIRI DALAM PENDIDIKAN ISLAM: KAJIAN TERHADAP MURID-MURID SEKOLAH MENENGAH DI KEDAH

Mardzelah Makhsin [1], Mohamad Fadhli Ilias [2], Mohd. Aderi Che Noh [3]

### ABSTRACT

Hisbah is a surveillance system involving the internal control process to ensure *al-amr bi al-ma'rufwa al-nahyan al-munkar* implemented in Islamic Education. The main purpose of this article is to examine the determinants of self-hisbah practices through Islamic Education among secondary school students in the state of Kedah. The study involved a survey of 1785 randomly selected secondary school students from secondary schools, special model school, religious secondary schools, boarding schools, government religious schools, vocational and technical schools. The method used is a survey using questionnaires. The pilot study conducted showed the reliability of the questionnaire was at a high level ( $> .90$ ). The analysis involves exploratory factor analysis (EFA) to identify the factors determining self-hisbah among students. The results of factor analysis explained the components of the self-hisbah consist of six components, namely musyaratah (promise of the heart), muraqabah (behavioral observation), muhasabah (reflection practice), muaqabah (spiritual reinforcement), mujahadah (struggle of desires) and muatabah (purification of the soul). The results of this study showed that self-hisbah contributed to the realization of the National Education Philosophy to produce a generation of students who are righteous, knowledgeable, competent, honorable and contribute to a universal civilization.

---

**Keywords:** Hisbah, Islamic Education, muhasabat *al-nafs*, soul and akhlaq

[1] Universiti Utara Malaysia  
mazfaniy@uum.edu.my

[2] Institut Pengajian Tinggi  
Islam Perlis  
rektor@iptips.edu.my

[3] Universiti Kebangsaan  
Malaysia  
aderi@ukm.my

### PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan memberi penekanan akhlak mulia sebagai aspirasi dalam pembentukan insan yang memperoleh ilmu dan menguasainya dengan nilai-nilai baik dan buruk, mempunyai kesedaran tentang kesan daripada perbuatan baik dan buruk, berkeyakinan terhadap nilai murni, mengamalkan perbuatan yang baik, menghindari perlakuan yang buruk, menghayati nilai mulia yang merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan. Sejajar dengan penekanan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam aspek penghayatan akhlak yang mulia, Falsafah Pendidikan Islam turut berperanan dalam menginterpretasikan falsafah tersebut dengan memberi tumpuan terhadap perkembangan ilmu yang dapat membentuk akhlak manusia sebagaimana yang terkandung dalam kenyataan berikut:

*"Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab*

*untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan Negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”.*

(Kementerian Pendidikan 1998)

Falsafah Pendidikan Islam menyatakan bahawa Pendidikan Islam di Malaysia mempunyai hala tuju dan matlamat dalam membentuk generasi muslim yang soleh dan berkemampuan melaksanakan tanggung jawab sebagai hamba dan khalifah yang diamanahkan oleh Allah (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2010). Abdul Halim el-Muhammady (1995) menjelaskan bahawa pendidikan dalam Islam memberi penekanan kepada beberapa konsep iaitu; pendidikan seumur hidup, pembangunan seluruh potensi manusia secara bersepadu yang mencakupi aspek kognitif, afektif dan sosial; melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan amanah sebagai khalifah di muka bumi; memakmurkan amalan atas dasar kesepaduan dan kesempurnaan iman serta ilmu dan amal soleh untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Falsafah Pendidikan Islam juga berperanan meletakkan gagasan dalam melahirkan individu yang soleh, warganegara yang beriman dan berperibadi mulia dengan memiliki keseimbangan dari segi material dan rohani (Ahmad Mohd Salleh 2004; Mohd Yusuf 2002; Engku 2007; Hasnan 2008; Kamarul Azmi & Ab. Halim 2010). Ini selari dengan pandangan al-Attas (1980) yang menjelaskan bahawa hakikat keinsanan merujuk kepada manusia sebagai makhluk berkedudukan dan perlu diiktiraf oleh makhluk yang lain. Kedudukan manusia dilihat kepada kelebihan berakal yang diseimbangi dengan rohaniah dan jasmaniah (Hasnan 2008). Kelebihan manusia dikenal pasti melalui kemampuan menggunakan akal dalam memiliki ilmu pengetahuan dalam mengendalikan alam dengan berhikmah. Ilmu pengetahuan yang diperoleh perlu diselaraskan dengan tuntutan rohaniah dan jasmaniah agar keseimbangan bertingkah laku sebagai hamba Allah dan tanggungjawab sebagai khalifah diasaskan kepada aqidah, syariah dan akhlak yang sempurna. Sehubungan itu, manusia yang dididik dengan Falsafah Pendidikan Islam dibekalkan ilmu pengetahuan dengan penghayatan akhlak yang bersifat ketakwaan, keikhlasan, amanah, kasih sayang dan berakhhlak mulia (Hamka 2003; Hasnan 2008; Khadijah 2009).

Pendidikan Islam juga memastikan manusia sentiasa memiliki kekuatan asas manusia iaitu akal, hati, roh dan jasad. Elemen kekuatan yang dianugerahkan kepada manusia perlu kepada proses pendidikan yang berterusan agar manusia menyedari tentang amanah dan tanggung jawab sebagai hamba dan khalifah. Tanggung jawab manusia sebagai hamba dan khalifah menuntut kepada ilmu pengetahuan dan tingkah laku yang berteraskan kepada keimanan yang diperkenalkan melalui akhlak Rasulullah s.a.w sebagai contoh tauladan yang terbaik kepada seluruh makhluk terutamanya yang dikategorikan sebagai insan kamil yang soleh (Hamdani 2007; Rokiah 2007; Hasnan 2008). Usaha memastikan manusia yang memiliki sifat-sifat insan kamil yang soleh memerlukan penghayatan akhlak yang berterusan. Penghayatan akhlak dalam Islam adalah salah satu aspek yang sangat penting dalam pembentukan muslim yang mempunyai personaliti insan kamil menurut al-Quran dan al-Sunnah (Zaharah 2008). Oleh yang demikian, pembinaan kesedaran berakhhlak amat penting dalam proses penghayatan insan kamil terutamanya dalam peringkat awal remaja yang sering berhadapan dengan krisis identiti diri dan kebanyakan mereka mudah terjerumus ke dalam gejala-gejala sosial yang tidak sihat. Bagi mengatasi masalah ini, golongan remaja seharusnya disedarkan bahawa mereka perlu membina sahsiah diri dan akhlak yang baik supaya mereka dapat melepasi krisis identiti diri yang dialami ketika usia remaja. Oleh itu, penerapan hisbah sebagai mekanisme kawalan dan pengawasan adalah alternatif yang terbaik dalam memandu golongan remaja membina akhlak yang mulia dan selari dengan fitrah dan kehendak Pendidikan Islam.

Pengawasan berbentuk dalaman bermakna kuasa bertindak muncul dari diri sendiri sebagai hasil dari proses penilaian diri yang dikenali sebagai hisbah kendiri. Amalan ini bertujuan melahirkan seorang yang sentiasa berdisiplin dan berusaha membendung diri daripada melakukan kemungkaran semasa menjalankan tugas harian dan amanah yang dipikul. Hisbah kendiri juga bertujuan untuk melahirkan kesedaran berakhhlak melalui proses penghayatan dan penerapan amanah dan bertanggungjawab sebagai hamba Allah S.W.T. dan menganggap kerja yang dipikul sebagai ibadat yang sentiasa diberi penilaian di dunia dan di akhirat. Dalam konteks ini, hisbah kendiri berperanan penting dalam usaha merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan manusia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang 2011).

Berasaskan kepada falsafah tersebut, maka pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk murid yang cemerlang dari sahsiah diri. Namun, sejauhmana murid menguasai dan menghayati penguasaan ilmu Pendidikan Islam yang dapat membentuk pengetahuan dan kefahaman fakta menjadi asas dalam memahami tentang tingkah laku berakhhlak? Adakah dengan mencapai kejayaan dalam penilaian meletakkan murid-murid mempunyai tingkah laku yang berakhhlak mulia? Bagaimana memastikan pengetahuan, kefahaman dan kejayaan dalam penilaian Pendidikan Islam berupaya menyedarkan murid-murid berakhhlak mulia dapat membezakan kebaikan dan keburukan, kebenaran dan kesalahan dalam bertingkah laku yang disyariatkan dalam *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahi 'an al-munkar*? Salah satu dari jawapan yang dapat disarankan adalah amalan hisbah kendiri sebagai amalan pengawasan terhadap *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahi 'an al-munkar* yang berupaya memperkembangkan kemampuan diri untuk menilai diri sendiri dengan menekankan kesedaran emosi dan jiwa, perubahan tingkah laku dalam diri sehingga membentuk kesedaran berakhhlak dan penghayatan dalam kehidupan yang berteraskan kepada syariat Islamiyyah.

## PENYATAAN MASALAH

Matlamat pendidikan Islam adalah melahirkan manusia yang baik dan membawa kebaikan (Ibn Khaldun 1993; al-Attas 1978; Nasir 2002), manusia yang memiliki kesempurnaan peribadi (Muhammad Uthman 1987; Abdul Rahman 1995), manusia yang menyedari hubungannya dengan Allah, alam dan manusia (al-Shaibani 1975; Zawawi 1996), menyingkap hakikat kewujudan sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi, menerima keunggulan ayat-ayat Allah, membina sikap untuk melihat kehidupan dari kaca mata agama dan belajar membuka hati untuk menerima cahaya dan rahmat Allah yang kekal abadi (Shaikh Abdul Mabud 1999; Nasir 2002). Oleh yang demikian, manusia yang dihasilkan melalui Pendidikan Islam sewajarnya adalah manusia yang memiliki peribadi dan akhlak yang mulia selaras dengan tujuan pengutusan Rasulullah s.a.w. (al-Shaibani 1975). Hasil pencapaian matlamat pendidikan Islam tergambar melalui aplikasi pertumbuhan yang menyeluruh dan sepadu dalam peribadi murid (al-Shaibani 1975) dengan kesepaduan antara iman, ilmu dan amal soleh (Mohd Kamal 1979), penghayatan dan kepekaan terhadap Islam (Syed Ali Ashraf 1997), serta penghayatan akhlak yang mulia pada diri seseorang murid (al-Abrasyi 1974; Jalaluddin & Usman 1994; Azhar 2006). Tujuan-tujuan tersebut membolehkan murid menjalani kehidupan dengan bertunjangkan akidah Islam (iman dan ihsan) pada setiap masa untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (Mohd Kamal 1979; Jalaluddin & Usman 1994; Azhar 2010). Namun, kemerosotan nilai akhlak mempunyai kaitan dengan kepincangan matlamat pendidikan Islam. Ini dinyatakan Muhammad Iqbal (dalam al-Nadwi 1987) bahawa kemerosotan nilai akhlak adalah gejala kehilangan pertimbangan potensi diri manusia; timbul jurang yang amat luas antara aspek lahir dan batin, akal dan hati, ilmu dan akidah; hilang jati diri, lemah keyakinan dan tiada harapan; terkeluar daripada keyakinan kepada agama dan Allah; akal yang cetek dan hati yang keras dari menerima kebenaran; agama; siasah; akal dan hati hanya menumpukan kebendaan; dan hidup diselubungi kebekuan dan kepincangan dalam mengikut syariat Islam.

Punca gejala kemerosotan akhlak juga dikaitkan dengan faktor kelemahan iman dan krisis nilai yang dipengaruhi oleh fahaman sekularisme (Zaizul et. al. 2011). Ini kerana fahaman sekularisme menjadi punca segala bentuk kejahatan yang berlaku di dunia mempunyai kaitan dengan suatu keadaan yang wujud dalam pemikiran manusia iaitu ‘cintakan dunia’ yang menggantikan tempat ‘cintakan Allah’. Keadaan ini sejarah dengan pendidikan sekular yang menafikan atau tidak mengutamakan faktor kewujudan Tuhan dalam pendidikan dan mengeneplikan rujukan kepada Tuhan yang dianggap tidak relevan dan ‘out of fashion’ dalam pendidikan masa kini (Sheikh Abdul Mabud. 1999; Zakaria 1999; Hassan 2003; Roslan & Nosiah 2007). Sheikh Abdul Mabud (1999) juga menyifatkan pendidikan sekular telah berjaya mempengaruhi pemikiran dan budaya masyarakat muslim dengan menyebabkan hati menjadi keras untuk menerima sumber kebijaksanaan yang mutlak iaitu daripada Allah Taala, dan menutupi jiwa dengan kegelapan kejahilan. Ini selaras dengan perkembangan pendidikan yang mempunyai konsep dualism antara agama dan sekular. Konsep dualism telah menjadikan pendidikan agama dibataskan kepada penyampaian maklumat-maklumat agama yang sempit (ibadah dan ritual) yang tidak dihubungkan dengan masyarakat dan kehidupan dan sebaliknya pendidikan sekular (bagi perkara-perkara kehidupan dan masyarakat) tidak pula dihubungkan dengan nilai-nilai agama. Kesan daripada pendidikan konsep dualism telah melahirkan kelompok tertentu dalam masyarakat yang mencemuh agama dan perkembangannya, melahirkan dua kelompok manusia yang berlainan corak pemikiran dan tindakan, lemah akidah dan pegangan terhadap nilai-nilai Islam dalam kehidupan serta melahirkan golongan muslim yang lemah di dalam kepimpinan dan tidak bermoral (Al-Nadwi 1987; Abdul Halim El-Muhamady 1984; Mohd Kamal Hassan 1988b; Rosnani 1996; Azhar 2006; Roslan & Nosiah 2007; Mat Saad 2011).

Malahan pendidikan sekular juga telah memperkenalkan pendidikan moral yang dianggap lebih subjektif. Ini kerana pendidikan moral berasaskan kepada naluri moral individu dan tidak mementingkan penghayatan nilai kebenaran yang objektif serta komprehensif sepertimana yang telah digariskan oleh al-Quran. Menurut Shaikh Abdul Mabud (1999), pendidikan moral sebenarnya mengalami kekeliruan nilai, hilang matlamat dan kepastian serta gagal mengenal pasti kebaikan yang terkandung dalam nilai-nilai yang kekal dan mutlak. Walau bagaimanapun, kejayaan fahaman pendidikan sekular telah berkembang apabila Pendidikan Islam berhadapan dengan fenomena kurang sambutan terhadap mata pelajaran pendidikan Islam dalam kalangan murid-murid yang beragama Islam. Fenomena ini adalah suatu perkara yang amat dikesali kerana berlaku pada waktu masyarakat Islam amat memerlukan generasi muda yang memiliki pendidikan agama Islam yang mantap, dan berakhhlak dengan akhlak Islam sehingga mereka mampu menghadapi ancaman-ancaman sekularisme, materialisme, atheisme dan hedonisme yang menguasai persekitaran mereka pada masa kini (Hassan 2003; Azhar 2006; Roslan & Nosiah 2007). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti komponen hisbah yang dapat dijadikan amalan kawalan diri dalam mempengaruhi penghayatan akhlak murid. Secara langsung kajian ini adalah alternatif yang wajar diketengahkan dalam usaha mengatasi gejala kemerosotan akhlak dalam kalangan murid-murid sekolah menengah.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan *hisbah* kendiri yang terdiri daripada komponen amalan *muhasabat al-nafs* atau *musyaratah* (perjanjian hati), *muraqabah* (pemerhatian tingkah laku), *muhasabah* (perhitungan amalan), *mu'aqabah* (peneguhan kerohanian), *mujahadah* (penentangan nafsu) dan *mu'atabah* (pembersihan jiwa) dalam kalangan murid sekolah menengah di Kedah.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan statistik inferensi melalui tinjauan analisis faktor (EFA). Tinjauan analisis faktor adalah suatu kaedah yang mengumpulkan pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai ciri yang serupa untuk menganalisis dan menginterpretasi data kajian. Analisis faktor juga membolehkan pengkaji memilih satu set pembolehubah dengan mengurangkan kategori menjadi bilangan yang kecil dan dapat memudahkan analisis dan interpretasi data dengan mengenal pasti ciri-ciri yang sama dan korelasi antara pembolehubah (Mok Soon, 2009). Dengan kata lain, analisis faktor adalah prosedur yang digunakan untuk mengenal pasti, mengurangkan dan menyusun sebilangan besar item soal selidik ke dalam komponen-komponen tertentu di bawah suatu variabel dalam kajian (Chua, 2006).

Dalam tinjauan analisis faktor (EFA), data dianalisis untuk mengetahui tentang item mempunyai nilai '*communality*' yang bermaksud, anggaran bebanan faktor yang dikongsi dalam kalangan pembolehubah yang diwakili (Cooper, 2003). Hair (2010) menjelaskan bahawa mana-mana item yang mempunyai nilai '*communality*' kurang dari 0.50 dan tidak mempunyai cukup penjelasan, perlu dihapuskan dan dikecualikan daripada analisis selanjutnya. Prosedur memotong atau membuang item dijalankan dengan cara yang sama seperti anti-imej matriks korelasi, yang menghapuskan nilai item yang paling rendah. Kemudian analisis dilakukan semula sehingga semua item mempunyai tahap yang boleh diterima dalam '*communality*' iaitu lebih daripada 0.50. Ujian seterusnya ialah *Kaiser-Myer-Olkin* (KMO) daripada '*Sample Adequacy*' dan ujian *Bartlett's* yang merupakan petunjuk untuk menilai kesesuaian menggunakan analisis faktor (Zikmund, 2003). Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1, semua item yang dibina berada dalam tahap yang boleh diterima iaitu nilai item melebihi 0.60. Langkah ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada varians dalam kajian mempunyai komponen struktur yang berkesan (Hair, 2010). Seterusnya ujian daripada Bartlett perlu menunjukkan keputusan adalah signifikan (*p value* = 0.000). Selain itu, Hair (2010) juga menerangkan bahawa item yang mempunyai nilai 0.30 ke atas boleh dijadikan model pengukuran bagi instrumen yang mempunyai sampel melebihi 350 orang. Oleh itu, keputusan kajian menunjukkan bahawa semua item mempunyai faktor loading lebih besar dari 0.30 boleh digunakan untuk menentukan model pengukuran berdasarkan bilangan sampel seramai 1785 orang.

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan keputusan tinjauan analisis faktor (EFA) bagi *hisbah* kendiri terdiri daripada enam komponen. Komponen *muraqabah* (pemerhatian tingkah laku) terdiri daripada 10 item dengan nilai faktor loading adalah 0.435 hingga 0.658. Nilai faktor loading bagi komponen *mu'atabah* (pembersihan

jiwa) melibatkan 3 item adalah 0.643 hingga 0.732. Komponen *mujahadah* (penentangan nafsu) mempunyai 6 item dengan nilai faktor loading adalah 0.491 hingga 0.772. Seterusnya komponen *muhasabah* (perhitungan amalan) dengan 5 item mempunyai nilai faktor loading antara 0.513 hingga 0.607. Komponen *musyaratah* (perjanjian hati) terdiri daripada 3 item dengan nilai faktor loading adalah 0.475 hingga 0.771. Manakala komponen *mu'aqabah* (peneguhan rohani) bagi 3 item mempunyai nilai faktor loading adalah 0.435 hingga 0.771. Hasil analisis faktor menjelaskan bahawa komponen-komponen tersebut sesuai untuk menentukan model pengukuran *hisbah* kendiri dalam Pendidikan Islam.

### **Muraqabah (Pemerhatian Tingkah laku)**

*Muraqabah* atau pemerhatian tingkah laku melibatkan aktiviti diri dengan menyedari bahawa segala tingkah laku di bawah pemerhatian kekuasaan Allah S.W.T. (Al-Waqiah: 63-64, 68-69, al-An'am:50). *Muraqabah* bertujuan untuk memastikan segala tingkah laku manusia adalah bermatlamatkan kepada ketaatan kepada Allah S.W.T.(Al-Baqarah:238,285, Ali-Imran: 17,146, al-Maidah:7, al-Nisa:69, al-Maidah:7). *Muraqabah* juga dapat melindungi manusia daripada terjebak dengan was-was syaitan yang bermotifkan kepada dorongan menyesatkan manusia daripada mentaati Allah S.W.T (Al-Baqarah: 36, al-Nahl: 98, al-A'raf: 53, al-Haq: 53). Oleh yang demikian, *muraqabah* dapat memastikan diri sentiasa mematuhi amar makruf dan meninggalkan kemungkaran yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. (Al-Baqarah:160, al-Nisa:16, al-Maidah:62,68, 100, Hud 122). Jadual 1 menunjukkan tinjauan analisis faktor (EFA) bagi komponen *muraqabah* (pemerhatian tingkah laku) yang terdiri daripada berikut:

Jadual 1 Tinjauan Analisis Faktor Pemerhatian Tingkah Laku (*Muraqabah*)

Item	Nilai Faktor Loading
<i>berhati-hati dengan amalan yang dilakukan</i>	.658
<i>berwaspada dengan manusia yang berakhhlak buruk</i>	.655
<i>menjauhi sifat sompong dan kedekut</i>	.553
<i>memerhati tingkah laku baik manusia</i>	.550
<i>menghasilkan niat yang ikhlas dalam melakukan kebaikan kerana Allah</i>	.519
<i>amalkan perbuatan baik untuk mendapat pahala</i>	.502
<i>mengingati diri untuk melakukan kebaikan</i>	.488
<i>mengambil sesuatu keputusan berdasarkan kepada amalan yang disuruh oleh Allah</i>	.482
<i>mengawal diri dengan keinginan untuk hidup mewah dan bangga dengan kekayaan dunia</i>	.471
<i>menganalisis setiap amalan yang dilakukan sama ada mendatangkan pahala atau dosa</i>	.435

Dapatan tinjauan analisis faktor membuktikan bahawa komponen *muraqabah* yang terdiri daripada sepuluh item telah diberi keutamaan sebagai faktor yang pertama daripada enam komponen dalam *hisbah* kendiri. Antara item-item yang membentuk faktor pertama *hisbah* kendiri melalui *muraqabah* adalah amalan berhati-hati dengan perbuatan yang dilakukan, berwaspada dengan manusia yang berakhhlak buruk, menjauhi sifat sompong dan kedekut, memerhati tingkah laku baik manusia, menghasilkan niat yang ikhlas dalam melakukan kebaikan kerana Allah, amalkan perbuatan baik untuk mendapat pahala, mengingati diri untuk melakukan kebaikan, mengambil sesuatu keputusan berdasarkan kepada amalan yang disuruh oleh Allah, mengawal diri dengan keinginan untuk hidup mewah dan bangga dengan kekayaan dunia dan menganalisis setiap amalan yang dilakukan sama ada mendatangkan pahala atau dosa (Al-Baqarah:238,285, Ali-Imran: 17,146, al-Maidah:7, al-Nisa:69, al-Maidah:7).

### ***Mu'atabah*(Pembersihan Jiwa)**

*Mu'atabah* atau pembersihan jiwa melibatkan elemen roh, *qalb*, *aql* dan *al-naf* (Ansari 1992; Mostafa 1994; 1995; 2000; 2009; Abdul Salam 2003) sebagai punca dalam membentuk niat kepada tingkah laku luaran dan perbuatan manusia. Oleh itu, tindakan *mu'atabah* dapat membuka hati manusia untuk menerima kebenaran dan hakikat ketuhanan dengan hidayah dan petunjuk Allah (Ibn Sina 2009; Mostafa 2009). *Mu'atabah* juga adalah proses mendidik diri mencapai ke jiwa yang *mutma'inah* (Al-Baqarah: 248, al-Fajr: 27, al-Zumar: 42, al-Taubah: 20, 88, 111, al-Qisas: 19). Hasil kajian ini menguatkan kenyataan bahawa amalan taubat adalah perbuatan menyesali segala dosa, manusia yang berbuat dosa atau kemungkaran perlu segera bertaubat dengan berusaha bertekad memutuskan sebab-sebab yang membawa dosa, menjauhi persahabatan yang menjadi punca kepada dosa dan memperbaiki amalan yang berdosa dengan melakukan amalan yang soleh (al-Darini 2000). Tinjauan analisis faktor bagi komponen *mu'atabah* (pembersihan jiwa) dalam *hisbah* kendiri dipaparkan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2 Tinjauan Analisis Faktor *Mu'atabah*

Item	Nilai Faktor Loading
<i>berusaha mempertingkatkan amalan kebaikan untuk membersihkan diri daripada dosa</i>	.732
<i>berjanji untuk memperbaiki amalan diri agar memperolehi jiwa yang mutmainnah (jiwa yang tenang)</i>	.715
<i>menyesali tentang kesalahan dosa yang dilakukan</i>	.643

Komponen *mu'atabah* menjadi faktor kedua dalam tinjauan analisis faktor *hisbah* kendiri. Hasil analisis mendapati komponen *mu'atabah* terdiri daripada item-item yang menunjukkan daya usaha dalam mempertingkatkan amalan kebaikan, dengan membersihkan diri daripada dosa, berjanji untuk memperbaiki amalan diri untuk memperoleh jiwa yang tenang dan menyesali tentang kesalahan dosa yang dilakukan.

### ***Mujahadah* (Penentangan Nafsu)**

*Mujahadah* atau penentangan nafsu bermaksud berusaha bersungguh-sungguh melawan kehendak hawa nafsu. Istilah *mujahadah* berasal daripadaperkataan jihad, iaitu berusaha dengan sepenuh kesungguhan, kekuatan dan kesanggupan pada jalan yang diyakini benar. Al-Ghazali (2004) menjelaskan bahawa *mujahadah* secara dasarnya melawan hawa nafsu dengan menundukkan hawa nafsu untuk mengikut kehendak Allah dalam setiap perkara. *Mujahadah* dilakukan untuk mengawal kekuatan amarah dan syahwat (keinginan) dalam diri manusia yang mengumpulkan sifat-sifat tercela dan sentiasa mendorong manusia untuk melakukan amal kejahatan.

Al-Ghazali (2004) menjelaskan bahawa *mujahadah* secara dasarnya melawan hawa nafsu dengan menundukkan hawa nafsu untuk mengikut kehendak Allah dalam setiap perkara. *Mujahadah* dilakukan untuk mengawal kekuatan amarah dan syahwat (keinginan) dalam diri manusia yang mengumpulkan sifat-sifat tercela dan sentiasa mendorong manusia untuk melakukan amal kejahatan. Dapatkan kajian ini menunjukkan amalan *mujahadah* dilakukan melalui keyakinan aqidah dan amalan ibadah yang telah ditetapkan (Zuridan 2010; Muhammad Zul Helmi 2010) agar diri menjadi lebih dekat kepada takwa (Roslan & Nosiah 2007). Dalam hal ini, *mujahadah* lebih kepada mengawal diri daripada mengikut perasaan dan melawan diri daripada terpengaruh dengan bisikan syaitan (Al-Baqarah: 155, al-Maidah: 30, al-Nisa: 10, al-An'am: 119, Yusuf: 53, al-Ra'ad:37, Mariam: 59, Al Ankabut: 8, 29, al-A'raf: 81, al-Naml: 55, al-Ra'ad: 33, al-Nisa': 27). Tinjauan analisis faktor *mujahadah* (penentangan nafsu) memperoleh hasil seperti mana dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3 Tinjauan Analisis Faktor *Mujahadah*

Item	Nilai Faktor Loading
<i>berusaha menentang amalan syirik seperti mohon keramat daripada kubur</i>	.772
<i>berusaha menentang kezaliman yang menindas masyarakat Islam</i>	.713
<i>mengutuk diri yang mudah terpedaya dengan dorongan melakukan perkara maksiat</i>	.635

<i>berusaha menentang dorongan syaitan yang mengajak kepada kejahanan</i>	.577
<i>mencela jiwa yang mengutamakan keseronokan dunia yang melekakan diri daripada mengingati Allah</i>	.520
<i>berusaha mengawal diri saya daripada menurut nafsu syahwat</i>	491

Dalam konteks kajian ini, analisis faktor menunjukkan komponen *mujahadah* terdiri berusaha menentang amalan syirik seperti mohon keramat daripada kubur, berusaha menentang kezaliman yang menindas masyarakat Islam, mengutuk diri yang mudah terpedaya dengan dorongan melakukan perkara maksiat, berusaha menentang dorongan syaitan yang mengajak kepada kejahanan, mencela jiwa yang mengutamakan keseronokan dunia yang melekakan diri daripada mengingati Allah dan berusaha mengawal diri daripada menurut nafsu syahwat.

#### ***Muhasabah (Perhitungan Amalan)***

*Muhasabah* atau perhitungan amalan bermaksud membuat pertimbangan terhadap amalan yang dilakukan dalam urusan kehidupan dengan merenung kembali dan memperbaiki amalan demi kerana Allah S.W.T. *Muhasabah* juga dikenali sebagai *muhasabah* diri dalam mengenali diri sendiri dengan segala kekurangan yang dimiliki. Tujuannya untuk mengenal had diri hingga mencapai jiwa yang tenang. Jiwa yang tenang ialah jiwa yang memiliki keimanan dan ketenteraman dalam mengenal Allah S.W.T (Abu Umar Basyir 2005; Ibn Sina 2009; Zuridan 2010).

Komponen *muhasabah* menunjukkan pendekatan yang sederhana tinggi diamalkan oleh murid dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun terdapat juga yang menjadikan *hisbah* kendiri sebagai amalan harian dan kelaziman dalam hidup mereka setelah menerima proses pembelajaran Pendidikan Islam secara tidak formal di asrama. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Azhar (2006) dalam kajian strategi pembelajaran pengaturan kendiri dalam Pendidikan Islam yang menjelaskan bahawa murid sekolah menengah di Sarawak menggunakan strategi pengaturan kendiri ketika menghadapi masalah atau tekanan dalam kehidupan. Komponen *muhasabah* (perhitungan amalan) dalam *hisbah* diklasifikasikan dalam tinjauan analisis faktor seperti yang terdapat dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4 Tinjauan Analisis Faktor *Muhasabah*

Item	Nilai Faktor Loading
<i>susah hati jika selepas bersedekah wujud sifat tamak dalam diri</i>	.607
<i>suka mengira tentang amalan yang melayakkan saya ke syurga atau neraka</i>	.592
<i>meminta rakan saya mengkritik tingkah laku buruk yang saya lakukan</i>	.572
<i>membaca al-Quran apabila saya lalai mengingati Allah</i>	.528
<i>gelisah jika tidak berdoa kepada Allah</i>	.513

Tinjauan analisis faktor turut menjelaskan komponen *muhasabah* dalam *hisbah* kendiri. Terdapat lima item yang menerangkan bahawa amalan yang terbentuk terdiri susah hati jika selepas bersedekah, wujud sifat tamak dalam diri, suka mengira tentang amalan yang melayakkan ke syurga atau neraka, meminta rakan mengkritik tingkah laku buruk yang dilakukan, membaca al-Quran apabila lalai mengingati Allah dan gelisah jika tidak berdoa kepada Allah. Amalan tersebut membentuk komponen *muhasabah* bertujuan membentuk disiplin diri supaya sentiasa membuat penilaian diri dalam menentukan corak kehidupan.

#### ***Musyaratah (Perjanjian Hati)***

*Musyaratah* atau perjanjian hati bermaksud membuat persyaratan melalui ikatan hati. Hati adalah pusat ingatan dan pemahaman (al-Razi 2000). Hati mampu berinteraksi dengan akal untuk meraih kesejahteraan dan kemakmuran melalui kecerdasan intelektual, emosi, moral, spiritual dan agama yang dikategorikan sebagai perilaku kalbu (Hasnan 2008; Rusdin 2011). Perilaku kalbu berbeza mengikut niat dan

motivasi yang dimiliki oleh seseorang (Ahmad Faried 2004) dalam melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran demi ketakwaan kepada Allah (Hamka 2003; Tohirin 2009; Ibrahim 2010). Perilaku kalbu dikenali juga kecerdasan qalbiyah yang terdiri sifat rendah hati kepada Allah, zuhud, warak, mengharapkan kebaikan, mengaplikasikan ilmu pengetahuan untuk kebaikan, berwaspada dengan tingkah laku, ikhlas, istiqamah, tawakal, sabar, redha, syukur, malu, jujur, mendahului kepentingan orang lain, tawaduk, amar makruf dan nahi mungkar, menerima seadanya dan bertakwa kepada Allah (Hamka 2003; Tohirin 2009; Ibrahim 2010). Tinjauan analisis faktor bagi komponen *musyaratah* (perjanjian hati) dalam *hisbah* adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 5 Tinjauan Analisis Faktor *Musyaratah*

Item	Nilai Faktor Loading
<i>berjanji dalam hati untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran selepas solat subuh</i>	.771
<i>berniat melakukan kebaikan dan menjauhi larangan Allah ketika bangun tidur</i>	.745
<i>mendidik jiwa dengan melakukan amalan berzikir</i>	.475

Hasil tinjauan analisis faktor *hisbah* kendiri menunjukkan komponen *musyaratah* terdiri daripada tiga item iaitu, amalan berjanji dalam hati untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran selepas solat subuh, benniat melakukan kebaikan dan menjauhi larangan Allah ketika bangun tidur dan mendidik jiwa dengan melakukan amalan berzikir.

Dapatkan kajian ini membentuk komponen *musyaratah* berdasarkan hati sebagai pusat ingatan dan pemahaman untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran melalui aktiviti berfikir dan berikrar (Al-Baqarah: 44 & 75, ali Imran: 191, al-Anfal:22, al-Mulk:10, Al-Qiyamah:1-2, Yusuf:53, al-Fajr:27-28, al-Nazi'at:40) dengan mengingati diri untuk menjadi insan kamil (Ali-Imran: 30, al-An'am: 54, al-Maidah: 116), dengan membimbing diri menuaikan penetapan ikrar (Al-Baqarah:269, Al-Hijr: 29, al-Sajdah:9, Al-Hadid:27, ali Imran: 151 & 156, al-Baqarah:74) dan mendorong hati untuk mengikuti ikrar perjanjian dengan ketaatan kepada Allah S.W.T. (Qaf:37, al-Thagabun: 11, al-Maidah:41, al-Hujurat:7, Al-Syura:89, al-Thalaq:1, al-Hijr:29, al-Sajdah:9). Amalan-amalan *musyaratah* yang dilakukan boleh dikategorikan sebagai proses berfikir secara reflektif dengan menghubungkan segala yang berlaku untuk dijadikan iktibar dan teladan. Berfikir relektif perlu didorong dengan keinsafan yang mendalam tentang pra syarat untuk maju dan tidak terpengaruh dengan dorongan naluri dan nafsu yang merosakkan. Ia perlu dalam proses pembangunan minda dan kesedaran diri yang berasaskan kepada keimanan kepada Allah (Lutpi Ibrahim 1983; Hasnan 2008; Zuridan 2010; Rusdin 2011). Ini jelas dilakukan oleh murid apabila mereka berfikir secara reflektif dalam mencapai kecemerlangan dan mengatasi masalah serta belajar bagaimana membentuk akhlak murid yang lebih bermakna dalam mencapai ketenangan *mutma'inah* dalam kehidupan (Sidek Baba 2009).

### ***Mu'aqabah(Peneguhan Rohani)***

*Mu'aqabah* atau peneguhan rohani ialah penilaian hasil kerja yang dilakukan melalui proses penelitian terhadap kekurangan amalan-amalan yang telah dilakukan kerana kesilapan dan kesalahan yang dilakukan. Antara amalan *mu'aqabah* adalah amalan berdoa (Al-Baqarah: 126, ali Imran: 38, al-A'raf: 151, al-Qisas: 24, al-Isra' 11, Taha: 25, al-Anbiya': 83, 90, Al-Ahzab: 71, Saba: 9, al-Furqan: 65, 74), membaca al-Quran (Al-Baqarah: 44, ali-Imran: 78, 113,133, Yusuf: 2, 15, al-Zhakhof: 3, al-Fathir: 7, 29, al-Qiyamat: 16, al-Safat: 3, al-A'la:6, al-Naml: 92, al-Qisas: 45, al-Ankabut: 48), solat (Al-Baqarah: 3, al-Maidah: 6, al-Nisa': 102, 103, al-An'am: 72, al-Anfal: 3,35, al-Ahzab: 33, al-Sajadah: 16, al-A'la: 15, al-Taubah: 11, 18, Hud: 114, al-Isra' 78, 79), puasa (Al-Baqarah: 93, 183,184, 185, 187, 196, al-Nisa': 92, al-Maidah: 89, 95, al-Ahzab: 35, al-Mujadalah: 4), zikir (Al-Sajadah: 15, al-Saafat: 143, al-Isra': 44, al-Hashr: 1, al-Hadid: 1, Saad: 19, al-Nasr: 3, al-Ghuma: 1, al-Thagabun: 1) dan sedekah (Al-Baqarah: 263, 273, 268, al-Maidah: 12, al-Sajadah: 27, al-Mujadalah: 13, al-Fussliat: 7, al-Taubah: 103, al-Rom: 39). Dalam konteks kajian ini, tinjauan analisis faktor menunjukkan bahawa terdapat tiga amalan *mu'aqabah* iaitu:

Jadual 6 Tinjauan Analisis Faktor *Mu<sup>c</sup>aqabah*

Item	Nilai Faktor Loading
<i>berpuasa untuk menutup keinginan hawa nafsu</i>	.771
<i>berusaha mengawal keinginan perut untuk makan berlebihan</i>	.696
<i>menginsafi diri di atas kesilapan yang dilakukan dengan berzikir kepada Allah</i>	.435

Dapatan kajian ini menerangkan bahawa komponen *mu<sup>c</sup>aqabah* adalah aspek penting dalam sistem Pendidikan Islam untuk menyeimbangkan akhlak atau keperibadian murid muslim (Asar & Ahmad Fazullah, 2008; Hasnan 2008). Ini kerana aspek rohani mempunyai kaitan dengan hati, jiwa, naluri atau seumpamanya yang memberi makna yang sama, iaitu merujuk kepada ruh manusia yang tidak diketahui oleh manusia melainkan sedikit sahaja. Oleh itu, *mu<sup>c</sup>aqabah* adalah suatu usaha dalam mendidik akhlak manusia dalam bertingkah laku mematuhi perintah dan menjauhi larangan Allah S.W.T. serta membentuk peribadi yang mulia dengan jiwa yang bersih dan rohani yang sempurna (Hasnan 2008; Zuridan 2010). Tinjauan analisis faktor *hisbah* kendiri menunjukkan bahawa faktor terakhir adalah komponen *mu<sup>c</sup>aqabah*. Terdapat tiga item yang menjelaskan faktor ini iaitu berpuasa untuk menutup keinginan hawa nafsu, berusaha mengawal keinginan syahwat dan menginsafi diri dengan berzikir kepada Allah.

Secara rumusannya, dapatan kajian ini secara khususnya menunjukkan bahawa *hisbah* kendiri dalam Pendidikan Islam bertujuan untuk memantau tingkah laku daripada menghampiri sifat-sifat buruk dalam diri manusia dan membuat refleksi kendiri bagi mewujudkan kesedaran diri dengan menanamkan nilai-nilai taqwa dalam diri (Malik, 2000). Dalam proses ini, murid yang mengamalkan *hisbah* kendiri berupaya mengawasi diri dengan motivasi untuk menghayati ajaran Islam dalam diri dari semasa ke semasa (Azhar, 2006). Selain itu *hisbah* kendiri juga berperanan melahirkan murid yang mempunyai matlamat yang jelas tentang kejayaan dalam bidang akademik dengan kemampuan melihat masa depan secara optimis (Zimmerman, 2002). Ini bersesuaian dengan hasil kajian yang menjelaskan bahawa murid sememangnya mengamalkan *hisbah* kendiri melalui amalan *musyaratah* (perjanjian hati), *muraqabah* (pemerhatian tingkah laku), *muhasabah* (perhitungan amalan), *mu<sup>c</sup>aqabah* (peneguhan rohani), *mujahadah* (penentangan nafsu) dan *mu<sup>c</sup>atabah* (pembersihan jiwa) sebagai pendekatan pembelajaran akhlak dalam pendidikan Islam.

**KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, perbincangan dapatan kajian *hisbah* kendiri memberi gambaran bahawa amalan *hisbah* kendiri berlaku secara tidak formal dalam pembelajaran Pendidikan Islam tetapi diamalkan dalam bentuk penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Namun begitu, budaya ilmu serta budaya pembelajaran yang sedia wujud dalam amalan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam memberi sumbangan besar terhadap kewujudan amalan *hisbah* kendiri dalam mempengaruhi penghantaran akhlak murid. Sekaligus, dapatan kajian ini menggambarkan bahawa *hisbah* kendiri murid terbentuk secara langsung atau tidak langsung dari proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Dapatan kajian mempunyai kaitan dengan konsep kesempurnaan kendiri yang diperkenalkan oleh Maslow (1943). Dalam teori tersebut, konsep kesempurnaan kendiri adalah usaha untuk mencapai potensi diri yang bermakna kepada seseorang. Menurut Maslow (1943), manusia dilahirkan dengan kuasa dalaman yang mampu menghasilkan potensi diri yang maksimum dengan melalui beberapa tahap. Dalam konteks kajian ini, kuasa dalaman yang dimaksudkan oleh Maslow (1943) diterjemahkan sebagai *hisbah* kendiri yang mempunyai enam tahap iaitu *musyaratah* (perjanjian hati), *muraqabah* (pemerhatian tingkah laku), *muhasabah* (perhitungan amalan), *mu<sup>c</sup>aqabah* (peneguhan rohani), *mujahadah* (penentangan nafsu) dan *mu<sup>c</sup>atabah* (pembersihan jiwa). Keenam-enam tahap *hisbah* kendiri yang diamalkan bertujuan untuk mencapai kesempurnaan jiwa yang tenang (*mutma'inah*). Dalam kajian ini menjelaskan bahawa konsep kesempurnaan kendiri manusia dalam Islam adalah memiliki jiwa *mutma'inah* iaitu jiwa yang paling kukuh dan paling sempurna kerana mampu menyedari tentang hakikat hidup dengan kesedaran mengenal sumber dari segala sumber kehidupan iaitu Allah S.W.T. (Amina Noor 2008; Yatimah 2010; Ibn Sina 2009).

Murid yang mengamalkan *hisbah* dapat mengenal pasti diri secara optimum melalui potensi intelek yang melibatkan hati, jasmani, akal, rohani, nafsu dan jiwa. Kesepadan dan kesimbangan potensi intelek dalam *hisbah* kendiri dapat mendidik murid untuk menganalisis diri, dan seterusnya memperbaiki kelemahan

diri untuk membina potensi intelek yang cemerlang di dunia dan akhirat. Secara langsung *hisbah* kendiri adalah salah satu strategi untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, kajian *hisbah* kendiri mempunyai kaitan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dapatkan kajian menerangkan bahawa *hisbah* dikenal pasti sebagai suatu usaha membentuk akhlak murid dalam meghayati ilmu Pendidikan Islam. Sehubungan itu, hasil kajian *hisbah* kendiri murid sekolah menengah dalam Pendidikan Islam membuka ruang untuk memperkembangkan ciri dan amalan *hisbah* kendiri dalam pembangunan akhlak murid-murid sekolah menengah.

## RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady. (1984). Pendidikan Islam: Skop dan matlamatnya. *Jurnal Pendidikan Islam*, 1: 10-23.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1991). *Pendidikan Islam, falsafah, disiplin dan peranan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1995). Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam* 7 (2): 155-164.
- Abdul Rahman Umdirah. (1995). *Membentuk Insan Kamil-Motivasi Pendidikan Islam* Terj. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Abdul Salam Yussof. (2003). *Imam al-Ghazali: Pendidikan berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Umar Basyir. (2005). *Suci hati*. Muhammad Albani (Pnyt). Indonesia: Al-Qowam.
- Ahmad Faried. (2004). *Menyucikan jiwa: Konsep ulama Salaf*. M. Azhari Hatim. Terj. Surabaya: Risalah Gusti.
- Ahmad Mohd Salleh. (2004). *Pendidikan Islam: Falsafah,Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.
- Al-Abrashi, Muhammad 'Athiyah. (1974). *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*. Terj.Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Al-Attas, Syed Muhammad Al-Naqib. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1980). The concept of education in Islam. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Buti, Said Ramadhan. (1991). *Fiqh serah nabawiyah*. Beirut: Darul Fikri.
- Al-Darini, 'Abdul Aziz. (2000). *Thaharatulqulub alkhudhuu' li'alaam al-ghuyub*. Mudzakir AS. Terj. *Pembersih kalbu*. Bandung: Penerbit Pustaka Bandung.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (2004). *Ihya' <sup>c</sup>ulum al-din. Jilid 1-5*. Qaherah: Dar al-Afaq al-'Arabiyyah.
- Al-Nadwi, Syed Abu Al-Hassan Ali. (1987). Ke arah pendidikan Islam yang tulin. Terj. Alor Star: Pustaka Ikhwan.
- Al-Razi, Muhammad ibnu Umar. (2000). *Ruh dan jiwa: Tinjauan filosofis dalam perspektif Islam*. H.Mochtar Zoerni & Joko S. Kahhar. Terj. Surabaya: Risalah Gusti.

- al-Shaibani, Umar Muhammad Al-Toumi. (1975). *Falsafah Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah*. Libya: Al-Mansya'ah Al-Sya'biyyah li Al-Nasyr wa Al-Tauzi' wa i'an.
- Amina Noor. (2008). *Bimbingan mengenal diri untuk remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ansari, Zafar Afaq (Eds.). 1992. *Qur'anic concepts of human psyche*. Islamabad: The International Institute of Islamic Thought.
- Asar Abdul Karim & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin. (2008). Kepentingan Pendidikan Rohani dalam Pembangunan dan Pendidikan Islam. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6*. Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak & Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi pembelajaran pengaturan kendiri Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. Tesis PhD, Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Burns, R.B. (1979). *The self concept theory, measurement, development and behaviour*. London: Longman.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah penyelidikan. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Cooper, D. & Schindler, P. (2003). *Business research methods. 8<sup>th</sup> Edition*. New York: McGraw-Hill.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). *Membangun modal insan melalui pemantapan akidah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Hair, J., Black, W., Babin, B. & Anderson, R. (2010). *Multivariate data analysis: A global perspective*. 7<sup>th</sup> Edition. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Hamdani Bakran Adz-Dzakiey. (2007). *Psikologi kenabian: Menghidupkan potensi dan kepribadian kenabian dalam diri*. Yogyakarta: Beranda Publishing.
- Hamka. (1980). *Sejarah umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. (2003). *Lembaga budi: Perhiasan insan cemerlang*. Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd.
- Hamzah Ya'qub. (1995). *Ilmu makrifah sumber kekuatan dan ketenteraman hati*. Kuala Lumpur: Darul Taqwa.
- Hasnan Kasan. (2008). *Pendidikan remaja Muslim*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Hassan Haji Mohamood (2003). Penyalahgunaan dada di kalangan remaja negeri Kelantan: Kajian khusus di Pusat Serenti (W) Kemumin. Disertasi Sarjana Usuluddin. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ibn Khaldun. (1993). *Mukadimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Sina. (2009). *Psikologi Ibn Sina*. M.S. Nasrulloh. Terj. Indonesia: Pustaka Hidayah.
- Ibrahim Abdul Muqtadir. (2010). *Kebijaksanaan Luqman al-Hakim: 12 cara membendung kerosakan akhlak*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Jalaluddin & Usman Said. (1994). *Filsafat Pendidikan Islam: Konsep dan perkembangan pemikirannya*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2010). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1998). *Laporan jawatankuasa kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran 1979*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Khadijah Abdul Razak. (2009). Pembentukan insan berakhhlak mulia daripada persepektif falsafah Pendidikan Islam. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-9 (peringkat Nusantara)*. Gontor: Institut Studi Darussalam Gontor, Indonesia.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (Pnyt.). (2011). *Akta pendidikan 1996 (Akta 550): Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah terpilih (hingga 1 Mac 2011)*. Selangor: International Law Book Services.
- Lutpi Ibrahim. (1983). *Al-Muhasibi: Panduan bakal sufi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana.
- Malik Banikir Badri. (2000). *Contemplation*. Kuala Lumpur: Madeena Books.
- Maslow, A.H. (1943). A theory of human motivation. *Psychology Review*, July: 388-389.
- Mat Saad Abdul Rahman. (2011). *Kedudukan orang bukan Islam dalam sejarah pemerintahan Islam*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Kamal Hassan. (1979). Ke arah penyerapan unsur-unsur Islam dalam dasar pendidikan negara, kertas kerja yang dibentangkan dalam Majlis Ulangtahun ke-25 Pengajian Melayu, Okt. 1978-Sept. 1979.
- Mohd Kamal Hassan. (1988). *Pendidikan dan pembangunan: Satu perspektif bersepada*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Kamal Hassan. (1994). Penyerapan unsur Islam melalui sistem pendidikan negara. Dlm. Abu Bakar Nordin (Pnyt.) *Reformasi pendidikan dalam menghadapi cabaran 2020*, 143-156. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd. Yusuf, Ahmad. (2002). *Falsafah dan sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mok Soon Sang. (2009). *Literatur dan kaedah penyelidikan*. Petaling Jaya: Penerbitan Multimedia Sd. Bhd.
- Mostafa Kamal Mokhtar. (2009). Pembangunan rohani menurut perspektif tasawuf dan psikologi moden. Dlm. Khaidzir Ismail. *Psikologi Islam: Falsafah, teori dan aplikasi*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn Bhd.
- Mostafa Kamal Mokhtar. (1994). The treatise on the knowledge about the rational soul and its states by Ibn Sina: A critical edition and annotated translation. *AKADEMIKA*, 44: 45-71.
- Mostafa Kamal Mokhtar. (1995). Pembangunan rohani: Huraian kritis daripada aspek kerohanian. Dlm. Mostafa Kamal Mokhtar, Noor Rahmah Abu Bakar, Ong Puay Liu & Suhaimi Salleh (Eds.). *Karya Darma II: Kemanusiaan dalam pembangunan*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mostafa Kamal Mokhtar. (2000). Pembangunan generik: Permasalahan ontologi epistemologi dan metodologi. Dlm. Misran Rokimin, James Francis Ongkili, Azmi Aziz (Eds.). *Falsafah dan peradaban pembangunan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady. (1987). Islamic solutions to the spiritual and moral crisis of present day society. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5: 73-86.
- Muhammad Zul Helmi. (2010). *Kenal dan sucikan jiwamu*. Kuala Lumpur: Mulia Terang Sdn. Bhd.
- Nasir Ahmad Abu Zariq. (2002). *Usul Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah wa asalibuhu*. Amman: Dar Al-Bashir.
- Rokiah Ahmad. (2007). *Pendidikan seks mengikut perspektif Islam*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Roslan Ali & Nosiah Fauzan. (2007). *Pembangunan kerohanian dan refleksi budaya masyarakat Melayu*. Sarawak: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

- Rosnani Hashim. (1996). *Educational dualisme in Malaysia: Implication for theory and practice*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rusdin S. Rauf. (2011). *Smart heart*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Sheikh Abdul Mabud. (1999). Can education be destructive? *Muslim Educational Quarterly* 16 (2): 1-4.
- Sidek Baba. (2009). *Fikir dan zikir*. Kula Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Syed Ali Ashraf. (1997). What Makes a good teacher of religious education. *Muslim Education Quarterly*, 14 (3): 1-3.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Hussain. (2008). Pendekatan individu dalam pengajaran pendidikan Islam sebagai wahana melahirkan modal insan bertamadun. *Jurnal Usuluddin*, 27: 141-156.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2007). Proses pengajaran dan pembelajaran berkesan menurut persepektif al-Ghazali: Satu pendekatan individu. *Jurnal Majlis Islam Sarawak*, 1: 127-146.
- Tohirin. Perspektif psikologi Islam tentang kecerdasan. Dlm. Khaidzir Hj. Ismail. (2009). *Psikologi Islam: Falsafah, teori da aplikasi*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Yatimah Sarmani & Mohd. Tajuddin Ninggal. (2010). *Teori kaunseling al-Ghazali: Mengenal ilmu, sejarah dan kandungan al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Zaharah Hussin. (2008). Pembinaan kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan Pendidikan Islam. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zaizul Ab. Rahman, Zakaria Ztapa, Mohd Nasir Omar, Ahmad Sunawari Long, Faudzinaim Badaruddin, jaffary Awang, Mazlan Ibrahim, Indriaty Ismail, Norul Huda Sarnon@ Kusenin, Suzana Mohd Hoesni, Ab. Aziz Mohd Zain, Fakhru Adabi Abdul Kadir & Norrodzoh Siren. (2011). Faktor-faktor dalaman penyebab berlakunya jenayah rogol menurut ulama Islam di Malaysia. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Bangi: Penerbit Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Stapa. (1999). Pendidikan Islam dan ancaman masa kini. *Pemikir Julai September*: 121-153.
- Zawawi Haji Ahmad. (1996). *Sains dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zimmerman, B.J. (2002). Becoming a self-regulated learner: an overview. *Theory into Practice* 41 (2): 64-70.
- Zuridan Mohd Daud. (2010). *Penyucian jiwa*. Kuala Lumpur: Mus Read Sdn Bhd.